



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENYELIDIK MALAYSIA MENANG THE 4th ASEAN-ROK AWARD FOR EXCELLENCE IN SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION 2022

PUTRAJAYA, 14 Disember 2022 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan tahniah kepada penyelidik Malaysia, **YBrs. Dr. Annie Chai Wai Yeeng** di atas pencapaian beliau memenangi kategori ***Next ASEAN Innovator*** di **4th ASEAN-ROK Award for Excellence in Science, Technology and Innovation 2022**.

The 4th ASEAN-ROK Award for Excellence in Science, Technology and Innovation 2022 yang dikelolakan oleh Kerajaan Republik Korea (ROK) melalui Kementerian Sains dan ICT (MSIT) dengan sokongan *Science and Technology Policy Institute (STEPI)* dan *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* ini diadakan untuk menggalakkan penglibatan saintis dan jurutera muda dalam penyelidikan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) serta mengiktiraf pencapaian akademik dan profesional para saintis serta jurutera dalam kalangan warganegara ASEAN.

YBrs. Dr. Annie Chai Wai Yeeng yang merupakan Saintis Kanan di Pusat Penyelidikan Kanser Malaysia telah membangunkan penyelidikannya dalam mengenal pasti gabungan ubat sinergistik dalam model kanser Asia yang unik melalui pengaplikasian *machine learning* bagi kaedah pengiraan dalam ramalan gabungan ubat sinergistik menggunakan gabungan skrin penting CRISPR/Cas9, genomik dan data pemeriksaan ubat, terutamanya berkenaan kanser kepala dan leher (HNC) yang berasal dari Asia.

Beliau dianugerahkan hadiah wang tunai **USD12,000.00** dan dijemput menghadiri Program Latihan STI ASEAN-ROK selama seminggu bermula 27 November hingga 3 Disember 2022 di Seoul, Republik Korea serta

diberi peluang membentangkan dan berkongsi hasil kerja beliau. Anugerah tersebut telah diserahkan secara rasmi oleh MSIT, ROK dan STEPI pada 1 Disember 2022.

Ini adalah kali kedua penyelidik Malaysia memenangi anugerah tersebut. Sebelum ini, YBrs. Dr. Nur Hafizah Abd Khalid dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah memenangi kategori yang sama di 2nd ASEAN-ROK Award for Excellence in Science, Technology and Innovation 2020.

Pencapaian ini diharap dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi menyemarakkan lagi minat dalam kalangan institusi penyelidikan dan penyelidik negara untuk berusaha ke arah penyelesaian yang inovatif dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan dengan memanfaatkan STI.

Butiran lanjut tentang hadiah dan para pemenang boleh layari:
<https://rb.gy/hvtoax> atau <https://rb.gy/wxyim8>.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

14 Disember 2022

LAMPIRAN

Poster Pemenang The 4th Asean-Rok Award For Excellence in Science, Technology And Innovation 2022



Foto Penyampaian Anugerah *Next ASEAN Innovator* kepada YBrs. Dr. Annie Chai Wai Yeeng

